

Company Name : Pharmaniaga Berhad
Date : 07 January 2021
Source : Utusan Malaysia

Pharmaniaga dijangka pengedar utama vaksin

KUALA LUMPUR: Pharmaniaga Bhd. dijangka bakal menjadi pengedar utama vaksin Covid-19 kepada hospital tempatan dan melantik syarikat lain untuk membantu mengedarkannya ke seluruh negara.

Menurut laporan *Bernama* memetik nota penyelidikan AmInvestment Bank Bhd. (AmInvest), Apex Healthcare Bhd. turut mendapat manfaat berikutan rangkaian pengedaran yang kukuh dan rekod prestasi cemerlang sebelum ini dalam pengedaran vaksin serta produk farmaseutikal lain.

Dari segi syarikat pembotolan, AmInvest menyifatkan kerajaan mungkin memilih Duopharma Biotech Bhd. dan Pharmaniaga untuk menjalankan proses tersebut walaupun perjanjian belum lagi dimeterai.

“Setakat ini Pharmaniaga telah menandatangani perjanjian dengan Serum Institute of India Pte. Ltd. untuk menjalankan proses pembotolan bagi vaksin pneumokokal,” katanya dalam nota penyelidikan itu semalam.

AmInvest turut percaya KPJ Healthcare Bhd. dan IHH Healthcare Bhd. penyedia penjagaan kesihatan swasta lain akan memainkan peranan masing-masing dalam program vaksinasi.

“Kami berpendapat hospital dan klinik swasta akan membantu dalam program vaksinasi Covid-19 Malaysia berikutan kemudahan rangkaian sejuk, had logistik dan tenaga kerja dalam sektor awam,” katanya.